

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 7/6/2012
Hari: Khamis
M/S: 11
Ruangan: UENYANA

Sukan ketepikan seketika masalah ekonomi Eropah

Oleh ROHAMI SHAFIE

Eropah, benua yang menjadi tumpuan seluruh dunia pada masa kini. Sejak sebelum tahun yang lalu kebanyakan negara-negara Eropah bersatu di bawah Kesatuan Eropah (EU). Namun, krisis hutang Eropah yang semakin meruncing sejak dua tahun lalu menguji keupayaan sistem kapitalis yang dianggap-agung-kau oleh Barat sejak sekian lama. Krisis ini juga menguji ketahanan dan kesepakatan ahli-ahli EU.

Mengikut perangkaan ekonomi, Japan dan Amerika merupakan negara-negara yang mempunyai peratusan hutang tertinggi berbanding Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di dunia. Datangnya dari benua Eropah.

Tempat pertama di kalangan negara-negara Eropah sudah semestinya diduduki oleh Greece. Hutang Greece berbanding KDNK adalah sebanyak 168.2 peratus, manakala kadar pengangguran ialah sebanyak 19.2 peratus. Negara-negara Eropah lain yang mempunyai kadar hutang tertinggi berbanding KDNK di dunia ialah Itali, Ireland, Portugal, Belgium, Perancis, Jerman dan United Kingdom. Ini menandakan bahawa sistem kapitalis terlalu taksub dengan instrumen hutang.

Semenangannya EU semakin lemah dan persoalan yang timbul pada masa kini ada-

lah sama ada Greece wajar kekal atau keluar dari EU.

Umpama sebuah pasukan bola sepak, setiap pemain mempunyai peranan tersendiri. Namun, apabila salah seorang pemain mengalami kecederaan teruk ketika perlawanan berlangsung, adakah ia perlu diawak terlebih dahulu sebelum dimasukkan semula atau dikeluarkan terus dalam perlawanan tersebut? Dalam konteks ini, jika pemain tersebut cukup penting, keterkahirannya belati akan menyebabkan pasukan tersebut tempang. Tetapi adakah Greece sebuah negara yang cukup penting buat EU?

Ada pendapat mengatakan bahawa lebih baik Greece keluar dari EU berbanding kekal di situ kerana dengan cara ini, Greece dapat mengurangkan kewangannya dengan menggunakan mata wang asalnya dan seterusnya mengurangkan kos dalam pasarnya. Kesan positif, daya saing Greece akan semakin meningkat.

Tetapi keputusan mengeluarkan Greece akan menjadikan pelabur seluruh dunia semakin tidak yakin dengan keupayaan EU. Mengurangkan ahli akan mengurangkan kekuatan sesebuah pasukan.

Sekali lagi umpama sebuah pasukan bola sepak, mampuakah ia mengecapi kemenangan jika hanya 10 pemain bertarung dalam

persaingan yang sangat sengit?

Memang boleh tetapi dengan bersyarat. Ada yang berpendapat bahawa negara kita tidak akan teruk terjejas dek kerana krisis hutang negara-negara Eropah. Adakah begitu?

Memang benar, urusan niaga Malaysia dengan negara-negara EU tidak begitu tinggi, namun perlu diingat kita mempunyai talap urusan niaga yang tinggi dengan negara China, yang mana dagangan China dan Eropah adalah besar sekali.

Jika ekonomi China merosot akibat krisis hutang Eropah, maka Malaysia juga akan terkena tempasannya. Mungkinkah kesannya hanya akan dirasai oleh negara kita pada suku ketiga tahun ini?

Ketika negara-negara Eropah sedang bergelut dengan krisis hutang, jangan dilupakan bahawa pada bulan ini dan bulan depan, benua tersebut akan mengimportkan dua sukun terbesar yang diminati oleh penduduk dunia.

Pertama, kejohanan bola sepak Euro 2012 yang akan bermula beberapa hari lagi. Ramai yang masih ingat, Greece pernah menjuarai kejohanan ini pada tahun 2004, manakala Sepanyol merupakan juara bertahan Euro 2008.

Kelayakan menjuarai Euro 2004 dan 2008 tidak mampu diterjemahkan dalam konteks kekuatan ekonomi negara-negara tersebut.

sebaliknya berada dalam keadaan yang amat genting. Ada yang berpendapat bahawa negara kita tidak akan teruk terjejas dek kerana krisis hutang negara-negara Eropah. Adakah begitu?

Memang benar, urusan niaga Malaysia dengan negara-negara EU tidak begitu tinggi, namun perlu diingat kita mempunyai talap urusan niaga yang tinggi dengan negara China, yang mana dagangan China dan Eropah adalah besar sekali.

Jika ekonomi China merosot akibat krisis hutang Eropah, maka Malaysia juga akan terkena tempasannya. Mungkinkah kesannya hanya akan dirasai oleh negara kita pada suku ketiga tahun ini?

Ketika negara-negara Eropah sedang bergelut dengan krisis hutang, jangan dilupakan bahawa pada bulan ini dan bulan depan, benua tersebut akan mengimportkan dua sukun terbesar yang diminati oleh penduduk dunia.

Pertama, kejohanan bola sepak Euro 2012 yang akan bermula beberapa hari lagi. Ramai yang masih ingat, Greece pernah menjuarai kejohanan ini pada tahun 2004, manakala Sepanyol merupakan juara bertahan Euro 2008.

Kelayakan menjuarai Euro 2004 dan 2008 tidak mampu diterjemahkan dalam konteks kekuatan ekonomi negara-negara tersebut.

Kedua, sukan terbesar selepas kejohanan bola sepak Piala Dunia lalu Olimpik 2012 bakal diadakan di United Kingdom (UK) pada bulan Julai nanti.

Selepas mengalami kacau-bilau pada tahun lalu, negara tersebut akan menjadi tuan rumah bagi pelbagai acara sukan yang melibatkan jagam sukan seluruh dunia.

Kedua-dua kejohanan sukan ini bakal memberi limpahan ekonomi kepada benua Eropah terutamanya negara-negara yang mengimportkannya iaitu UK, Poland dan Ukraine.

Namun begitu, perlu diingat, kesannya hanya dirasai sebelum dan semasa berlangsungnya kejohanan sukan tersebut, namun kesan positif selepas berakhirnya kejohanan tersebut masih lagi samar samar.

Tetapi sekurang-kurangnya, dua kejohanan sukan yang bakal diadakan ini akan membuatkan penduduk dunia melupakan semantara krisis hutang yang membelenggu benua Eropah.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan (SOA) Dan Felo Penyelidik Institut Penyelidikan Pengurusan dan Perniagaan (IMBRE), Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia.